

Newspaper	Berita Harian
Date	29 November 2015

Pertingkatkan keluaran produk pertanian: PM

BH - 29/11/2015



Najib bersama Ahmad Shabery mendengar penerangan daripada Pegawai Perikanan Jabatan Pertanian Sarawak, Awang Alim Awang Kassim (kiri) mengenai ikan empurau ketika melawat pameran selepas merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2015 di Kota Samarahan, semalam.

» Usaha pastikan bekalan mencukupi, elak bergantung import makanan

Oleh Hardi Effendi Yaacob dan Mohd Roji Kawi
bhnews@bh.com.my

Kota Samarahan

Malaysia perlu meningkatkan kapasiti pengeluaran pelbagai produk pertaniannya, termasuk hasil penternakan dan sumber perikanan bagi mengelak kebergantungan terhadap import makanan yang meny-

babkan negara mengalami defisit sehingga RM17 bilion setahun. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata usaha itu menepati dasar kedaulatan makanan, khusus dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat tanpa bergantung kepada sumber luar yang boleh mendedahkan negara kepada pelbagai risiko geopolitik dan ekonomi.

"Dalam Bajet 2016, RM5.3 bilion diperuntukkan bagi memperka-

sakan sektor pertanian dan industri asas tani kita yang bakal disalurkan dalam pelbagai bentuk kemudahan, insentif dan bantuan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan.

Import makanan lebih tinggi

"Ini sejajar kepentingan industri ini dalam menghasilkan bekalan makanan mencukupi untuk rakyat, selain menampung pasaran eksport. Sebelum ini, defisit berlaku kerana import makanan kita lebih tinggi berbanding eksport produk pertanian kita. Justeru, kita mahu melihat sektor pertanian kita lebih berkembang maju dan berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2015 (HPPN2015) Bertemakan Agroteknologi Pemangkin Transformasi di pekarangan Dewan Suarrah Kota Samarahan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Najib berkata, pelbagai inisiatif

"Sebelum ini, defisit berlaku kerana import makanan kita lebih tinggi berbanding eksport produk pertanian kita. Justeru, kita mahu melihat sektor pertanian kita lebih berkembang maju dan berdaya saing"

Najib Razak, Perdana Menteri

sedia ada, termasuk yang baru diperkenalkan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mampu mendukung pelaksanaan usaha itu, sekali gus membantu meningkatkan sosioekonomi golongan peladang, penternak dan nelayan pada peringkat akar umbi.

"Mereka adalah 'wira negara'... mereka yang memastikan kelangsungan dan jaminan bekalan makanan untuk keperluan rakyat. Peranan dimainkan golongan ini penting dalam menepati pelaksanaan dasar kedaulatan makanan yang diberikan perhatian serius oleh kerajaan ketika ini.

"Menjelang 2020, jumlah penduduk dunia dijangka bertambah kepada 9.7 bilion berbanding 7.2 bilion ketika ini seperti dilaporkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO). Jika pengeluaran makanan tidak dipertingkatkan 60 peratus dari kadar sedia ada, dunia bakal mengalami masalah kebuluran," katanya.

Perlu lebih dinamik, moden

Selain itu, katanya, sektor pengeluaran agro makanan negara perlu dibangunkan dengan lebih dinamik, moden dan berinovasi sekali gus menolak tanggapan bidang pertanian sebagai satu aktiviti untuk sara diri semata-mata.

"Kita mengambil contoh kejayaan Belanda, Jepun, New Zealand dan Australia yang menguasai eksport hasil pertanian dunia apabila pengusahanya berjaya mengadaptasi teknologi, selain amalan kaedah pertanian berinovasi dalam meningkatkan produktiviti," katanya.

Sementara itu, Najib turut mengumumkan 50 lagi pasar tani, selain 150 Agro Bazaar Rakyat 1Malaysia akan dibuka di seluruh negara tahun depan bagi membantu golongan peladang, penternak dan nelayan memasarkan produk mereka.